

Laporan Kewangan Rakyat merupakan penjenamaan semula bagi Laporan Laksana yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan secara mingguan sejak April 2020.



*YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz
Bersama Komuniti Penduduk Puncak Alam di
Majlis Kenduri Rakyat Kuala Selangor di Eco Grandeur, Puncak Alam
5 Jun 2022*

YB TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL AZIZ Menteri Kewangan Malaysia

**LAPORAN
Ke-98**

10 Jun 2022

Ulasan Isu Semasa

Pengekalan & Penjanaaan Pekerjaan

Pemeriksaan Perniagaan

Inisiatif - Inisiatif Lain

BAJET 2023 - MEMPERKUKUH PEMULIHAN, MEMUDAH CARA PEMBAHARUAN KE ARAH KEMAMPAHAN DAYA TAHAN EKONOMI DAN KESEJAHTERAAN MALAYSIA

Fokus Bajet 2023 adalah berdasarkan tiga (3) bidang utama yang inklusif dan merangkumi setiap aspek demi kesejahteraan Malaysia iaitu:

- a) Memperkukuh momentum pemulihan ekonomi dengan memastikan pertumbuhan bukan sahaja dari aspek KDNK tetapi turut merangkumi aspek pekerjaan dan pendapatan untuk rakyat Malaysia dan perniagaan;
- b) Memperkukuh daya tahan ekonomi untuk mendepani kejutan pada masa hadapan menerusi pembaharuan ke arah mewujudkan perlindungan sosial yang lebih baik terutamanya dalam kalangan masyarakat yang mudah terjejas, sistem kesihatan awam yang lebih kukuh, kedudukan fiskal yang lebih mampan untuk menyediakan penampungan terhadap kejutan masa hadapan serta pemberian subsidi dan bantuan secara lebih bersasar; dan
- c) Melaksanakan pembaharuan yang komprehensif dalam aspek ekonomi dan sosial bagi perniagaan, sektor keutamaan dan negara untuk muncul lebih berdaya saing di peringkat global di samping memperkukuh agenda pembangunan mampan.

Kerajaan melalui Kementerian Kewangan (MOF) akan menumpukan kepada memudah cara guna tenaga, pekerjaan semula, perlindungan sosial di kalangan mereka yang bekerja sendiri dan dalam sektor informal serta bantuan bersasar untuk menyediakan jaring keselamatan sosial optimum untuk kumpulan rentan tanpa mengkompromikan kedudukan fiskalnya.

Berkaitan dengan bajet tahunan negara ialah usaha memastikan kemampanan fiskal. Sehubungan itu, melalui Strategi Fiskal Jangka Sederhana, MOF bercadang membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Tanggungjawab Fiskal pada sesi Parlimen akan datang, yang dijadualkan bermula pada 18 Julai. RUU ini membabitkan usaha untuk memperluas asas cukai negara, termasuk mengenakan cukai kepada ekonomi bayangan, serta meningkatkan pematuhan dan pentadbiran cukai ke arah membantu mendorong kutipan cukai. Ini adalah penting untuk menambahkan lagi tabung negara bagi menyokong agenda pembaharuan pembangunan Malaysia di jangka panjang.

Melalui Bajet 2023 ini juga tumpuan khas akan diberikan kepada memudah cara segmen pekerjaan atau pekerjaan semula terutamanya siswazah menganggur, wanita yang meninggalkan pasaran kerja, orang kurang upaya (OKU) dan penganggur jangka masa panjang.

Di samping itu, Bajet 2023 juga akan terus menumpukan kepada program peningkatan kemahiran dan pemahiran semula, meningkatkan produktiviti menerusi digitalisasi aktiviti ekonomi dan memastikan gaji yang wajar dalam kalangan rakyat termasuk menerusi semakan gaji minimum.

Tidak dilupakan intervensi-intervensi yang diperlukan bagi memastikan jaminan makanan asas untuk mengurangkan kenaikan ketara harga barang keperluan dan memastikan sumber kerajaan dibelanjakan kepada mereka yang memerlukan menerusi subsidi bersasar.

Secara keseluruhannya, Bajet 2023 akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi dan memberi tumpuan kepada pelaksanaan pembaharuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, pendapatan dan perlindungan sosial serta menambahbaik daya saing perniagaan dan rantai nilai di samping memperkukuh kedudukan fiskal Kerajaan dan daya tahan negara dalam mendepani kejutan pada masa hadapan.

175 DARI 193 NEGARA (90%) DI DUNIA TELAH MELAKSANAKAN VAT/GST KERANA SISTEM INI LEBIH TELUS DAN EFISIEN

175 negara atau sekitar 90% negara di seluruh dunia telah memperkenalkan cukai kepenggunaan (Value-Added Tax atau VAT) yang lebih efisien, telus dan mampu mencegah ketirisan kutipan hasil, kerana ianya merupakan satu sistem yang lebih efisien dan telus.

Pada tahun 2021, jumlah kutipan hasil negara mencatat 15.1 % daripada KDNK, dan ini adalah agak rendah berbanding kutipan hasil negara lain (contoh: Singapura 18.9%, Thailand 17.7%, Filipina 15.5%). Bagi hasil cukai negara, ia telah mencatat 11.2% daripada KDNK. Oleh itu, Kerajaan perlu meneliti usaha untuk meluaskan asas hasil supaya hasil dapat diagihkan dengan lebih bermakna melalui program pembangunan yang bermanfaat untuk seluruh Keluarga Malaysia.

Walaupun buat masa ini Malaysia mendapat manfaat dari peningkatan harga komoditi global, hasil berkaitan komoditi tidak mampan kerana bergantung kepada pergerakan harga pasaran global. Ianya tidak mampu menampung sepenuhnya peningkatan perbelanjaan yang diperlukan untuk kesejahteraan rakyat.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu meneroka sumber hasil yang stabil dan lebih meluas seperti cukai kepenggunaan. Namun begitu, sebelum Kerajaan memperkenalkan apa-apa cukai baharu, kita perlu memastikan pemulihan ekonomi pasca krisis COVID sudah mencapai landasan yang stabil dan kukuh. Ini juga selaras dengan apa yang telah dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri bahawa cadangan pengembalian GST masih di peringkat kajian.

Pada masa yang sama, sekiranya Kerajaan berhasrat memperkenalkan semula GST, penambahbaikan akan dibuat dari aspek kecekapan proses bayaran balik, mengelakkan kekeliruan dalam pengelasan barang yang bercukai dengan tidak bercukai, peningkatan tahap kemahiran pegawai Kerajaan, tahap pematuhan peniaga dan tadbir urus keseluruhan GST.

Sebarang sistem percukaian baharu juga perlu diluluskan di Parlimen dan jika ambilkira keperluan libat urus bersama rakyat serta untuk menambahbaik sistem sedia ada, tidak mungkin GST akan dilaksanakan pada tahun ini.

PENEKANAN DAN FOKUS PADA KELESTARIAN ALAM SEKITAR, TANGGUNGJAWAB SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG) DEMI PEMBANGUNAN MAMPAN



YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz Menteri Kewangan telah merasmikan Persidangan Akauntan Antarabangsa dengan tema “Leading ESG, Charting Sustainability” yang berlangsung selama 2 hari pada 8 - 9 Jun 2022 secara maya di hadapan lebih 3,000 peserta dan 80 penceramah dari dalam dan luar negara.

Beliau menekankan tiga strategi utama untuk memacu pembangunan mampan.

- i) Memperkukuh pembiayaan ESG (Environmental, Social & Governance) termasuk pelarasan langkah-langkah belanjawan negara kepada Matlamat Pembangunan Mampan PBB (SDG). Secara khusus, di peringkat kementerian dan nasional, melalui belanjawan tahunan, MOF telah menyelaras semua program dan projek di bawah perbelanjaan pembangunan kepada SDG. Tidak ramai yang sedar bahawa Malaysia adalah antara 10 negara di dunia yang telah menyelaraskan sepenuhnya langkah-langkah belanjawan negara mereka kepada SDG;
- ii) Membangunkan kapasiti PKS, kerana sektor PKS adalah penyumbang utama kepada ekonomi dan menggaji hampir 50% tenaga kerja negara. Melalui Prinsip Tadbir Urus Baik (atau PGG) yang akan dilaksanakan oleh Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), Kerajaan akan membantu PKS menerapkan prinsip ESG;
- iii) Menubuhkan Dana Amanah Matlamat Pembangunan Mampan Malaysia (MySDG Trust Fund) dengan kerjasama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Malaysia bagi mencapai objektif pembangunan mampan secara bersepadu).

MALAYSIA SASAR MENJADI NEGARA NEUTRAL KARBON MENJELANG 2050



YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob Bersama **YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz** Telah Menyempurnakan Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) di Taman Tugu Negara 5 Jun 2022

Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) yang diadakan di Taman Tugu Negara pada 5 Jun 2022 telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob.

Sambutan WED tahun ini yang bertemakan Hanya Satu Bumi (Only One Earth), adalah bukti komitmen Malaysia untuk memelihara alam sekitar serta sumber asli, sekaligus menyokong sasaran untuk menjadi negara neutral karbon menjelang 2050.

Malaysia juga komited untuk memastikan kawasan hutan semula jadi meliputi lebih 50% daripada jumlah keluasan negara. Bagi menyokong pelan tersebut, Kerajaan menerusi Bajet 2022 telah memperuntukkan RM10 juta bagi 'Kempen Penanaman 100 juta Pokok' menjelang 2025 dengan sasaran 20 juta pokok setahun. Secara keseluruhannya, Kerajaan telah menyediakan RM450 juta kepada pelbagai kementerian untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah segmen alam sekitar dan biodiversiti.

YAB Perdana Menteri juga telah menyaksikan penyerahan perjanjian tanah Taman Tugu daripada DBKL kepada Amanah Warisan Negara (AWAN). Ini merupakan satu lagi komitmen kerajaan dalam melindungi alam sekitar dan merupakan satu langkah penting ke arah memastikan Taman Tugu dipelihara untuk generasi akan datang. AWAN telah memainkan peranannya dengan sangat cemerlang untuk memelihara, memulihara dan mengurus Taman Tugu, sekali gus menjadikan taman rimba bandar tersebut setanding dengan kawasan hijau lain di bandar-bandar utama dunia.

JUMLAH PENGANGGUR BERKURANGAN BUKTI KOMITMEN KERAJAAN MENGHASILKAN PEMBANGUNAN EKONOMI LEBIH MAMPAN



Salah satu komitmen Kerajaan dalam memacu pemulihan negara secara berstruktur dan menyumbang ke arah pengukuhan pasaran tenaga kerja adalah dengan penyediaan peluang pekerjaan yang lebih menyeluruh dan menghasilkan pembangunan ekonomi lebih mampan.

Malaysia berada pada landasan yang betul dalam usaha pemulihan ekonomi dan ini terbukti apabila kadar pengangguran pada April 2022 turun kepada 3.9 peratus, sekaligus berada di bawah 4% buat kali pertama sejak Pandemik COVID-19.

Selain itu jumlah penduduk kekal bekerja juga meningkat sebanyak 0.5 peratus iaitu 15.85 juta orang setakat April 2022.

Salah satu inisiatif Kerajaan bagi memastikan penciptaan lebih banyak peluang pekerjaan baharu adalah melalui inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia. Inisiatif ini bukan sahaja memberi manfaat kepada majikan malahan kepada pencari kerja.

Seperti yang semua sedia maklum, Kerajaan komited untuk menyediakan 600,000 peluang pekerjaan dengan peruntukan sebanyak RM4.8 bilion yang mana ini juga adalah teras utama di bawah Bajet 2022.

Bagi mereka yang masih mencari punca pendapatan baharu, pastikan anda layari portal jaminkerja.perkeso.gov.my

PROGRAM JAMINKERJA - INSENTIF PENGGAJIAN

Kerajaan melalui PERKESO akan meneruskan usaha pengambilan pekerja melalui inisiatif Insentif Penggajian JaminKerja dengan peruntukan sejumlah RM2 billion bagi tahun 2022. Pendaftaran bagi insentif ini telah dibuka dengan insentif sebanyak 20% daripada gaji bulanan bagi tempoh enam bulan pertama dan 30% bagi enam bulan berikutnya tertakluk kepada pekerjaan bergaji RM1,500 ke atas. **Setakat 30 Mei 2022**, insentif penggajian dengan usahasama PERKESO telah berjaya menempatkan **75,932 pekerja** dan usaha ini akan mewujudkan 300,000 peluang pekerjaan baharu dan mengurangkan pengangguran dalam kalangan pekerja warganegara Malaysia. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.perkeso.gov.my/images/bajet2022/jaminkerja/180122-%20FAQ%20JaminKerja.pdf>

SPS PADANAN CARUMAN

Kerajaan telah menyediakan bantuan padanan caruman sebanyak 80% di bawah Pelan 2 (RM232.80) di mana hanya 20% (RM46.60) sahaja perlu dibayar oleh kumpulan sasaran Orang Bekerja Sendiri (OBS). Kumpulan sasar di bawah SPS Padanan Caruman ini dikhususkan kepada lapan kategori berikut:

Kumpulan Sasaran OBS	
SPS Asal	<ul style="list-style-type: none"> • Orang Asli (Semenanjung) • Orang Asal (Sabah dan Sarawak) yang bekerja di bawah 20 sektor
SPS Gig	Orang yang bekerja sendiri menggunakan aplikasi digital di bawah syarikat pengantara di bawah 20 sektor
SPS Jaja	Sektor Penjana (Pasar, Gerai/ Kiosk dan Food Truck)
SPS Lain Upaya	Orang Kurang Upaya yang Bekerja sendiri di bawah 20 sektor
SPS Lancong	Sektor Pelancongan termasuklah homestay, ejen pelancongan dan sebagainya
SPS Seni	Sektor kesenian yang terdiri daripada artis, penyanyi, pelakon, penari, kru produksi, kraftangan, pelukis dan sebagainya
SPS Tani	Sektor Pertanian, Sektor Perikanan (termasuk akuakultur), Sektor Penternakan dan Sektor Perhutanan
SPS Usahawanita	Wanita yang bekerja di bawah 20 sektor

Manakala berikut merupakan 20 sektor yang dilindungi di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri:

Pengangkutan Penumpang	Pengangkutan dan Penghantar Barangan
Pertanian	Penternakan
Perhutanan	Perikanan
Pembuatan	Makanan
Penjaja	Pembinaan
Perniagaan Dalam Talian	Premis Penginapan
Pemprosesan Data	Teknologi Maklumat
Perkhidmatan Profesional	Ejen
Kesenian	Perkhidmatan Sokongan
Sektor Penjagaan, Perawatan dan Pemulihan Kesihatan	Perkhidmatan Isi Rumah

Setakat 29 Mei 2022, sebanyak **106,301 OBS** telah pun mencarum dengan jumlah kutipan keseluruhan sebanyak **RM24.747 juta**. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://budget.mof.gov.my/manfaat/en/faq/sps-padanancaruman.html>

SKIM PERLINDUNGAN SOSIAL KHIDMAT

Kerajaan melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) juga menyediakan bantuan penuh caruman di mana pembiayaan caruman sepenuhnya (100%) di bawah Pelan Caruman 2 dan 4 dengan tempoh perlindungan selama 12 bulan kepada Orang Bekerja Sendiri (OBS). Di bawah inisiatif ini, kumpulan sasar yang dikhususkan kepada 4 kategori iaitu Anggota Pasukan Sukarelawan, Perkhidmatan Rumah Ibadat Islam (JAKIM), Penyelia dan Petugas Pemulihan Komuniti dan Anggota Sektor Awam.

Perkara	Pelan Caruman 2 (RM232.80 setahun)	Pelan Caruman 4 (RM592.80 setahun)
Sumbangan Kerajaan	100%	
Faedah Perubatan	Rawatan perubatan di klinik panel/ hospital kerajaan PERKESO dan membuat tuntutan penggantian perbelanjaan yang dikeluarkan	
Faedah Hilang Upaya Sementara (HUS)	Rawatan perubatan di klinik panel/ hospital kerajaan PERKESO dan membuat tuntutan penggantian perbelanjaan yang dikeluarkan	

Permohonan individu boleh dibuat melalui agensi pentadbiran masing-masing manakala permohonan secara pukal perlu dikemukakan kepada bahagian SPS PERKESO melalui sps@faedah@perkeso.gov.my untuk proses pendaftaran lanjut. **Setakat 29 Mei 2022**, sebanyak **44,041 OBS** telah mencarum bagi skim ini dengan nilai kutipan sebanyak **RM10.835 juta**. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://budget.mof.gov.my/manfaat/en/faq/sps-khidmat.html>


PROGRAM RESKILLING AND UPSKILLING VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (PRUV-ATM)

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM15 juta di bawah Bajet 2022 bagi Program Peningkatan Kemahiran dan Latihan Semula khusus untuk pesara tentera melalui Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT). Program ini dilaksanakan untuk menambahbaik status sosio-ekonomi veteran di mana veteran akan dilatih untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dimiliki bagi sektor pekerjaan dan keusahawanan yang diceburi.

Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang layak memohon ialah veteran yang telah menjalani Latihan Peralihan antara tahun 2015 hingga 2021. **Sehingga 8 Mei 2022**, sebanyak **8,736 veteran ATM** ini telah memanfaatkan program ini. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://budget.mof.gov.my/manfaat/faq/pruv-atm.html>

PROGRAM SUBSIDI UPAH 1.0 (PSU 1.0)

Di bawah Pakej PRIHATIN, Program Subsidi Upah (PSU) adalah bantuan kewangan yang dibayar kepada majikan setiap perusahaan bagi setiap pekerja tempatan yang bergaji RM4,000 dan ke bawah. Subsidi sehingga RM1,200 sebulan tersebut akan diberikan untuk tempoh 3 bulan bagi membantu majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Program tersebut dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan di bawah Pakej PENJANA dan secara keseluruhannya, subsidi yang diberikan kepada majikan adalah untuk tempoh 6 bulan. **Setakat 27 Mei 2022**, seramai **322,177 majikan** dan **2.64 juta pekerja** telah menerima manfaat PSU di bawah PRIHATIN dan PENJANA di mana permohonan subsidi upah yang diluluskan telahpun mencapai nilai **RM12.958 bilion**.




*Jumlah kumulatif

*Jumlah majikan dan pekerja kekal pada takat maksima. Namun, pembayaran dibuat secara berfasa dan berterusan untuk memastikan bahawa hanya perusahaan yang layak sahaja menerima subsidi tersebut

PROGRAM SUBSIDI UPAH 2.0 (PSU 2.0)

Di bawah Pakej Kita PRIHATIN pula, bantuan subsidi upah tersebut dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada yang menerima PSU manakala bantuan PSU selama 6 bulan diberikan kepada semua permohonan antara 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020. **Setakat 27 Mei 2022**, sejumlah **RM1.407 bilion** telah disalurkan kepada **81,155 majikan** untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **718,686 pekerja**.



*Jumlah kumulatif


PROGRAM SUBSIDI UPAH 3.0 (PSU 3.0)

Di bawah Belanjawan 2021 dengan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion, Kerajaan telah melanjutkan pelaksanaan PSU selama 3 bulan lagi dengan lebih bersasar, khususnya bagi sektor pelancongan termasuk sektor peruncitan dengan kadar RM600 sebulan bagi pekerja bergaji RM4,000 dan ke bawah. **Setakat 27 Mei 2022**, sebanyak **RM3.753 bilion** telah disalurkan kepada **162,304 majikan** untuk mengekalkan penggajian bagi **1,527,633 pekerja**. PSU 3.0 turut ditambahbaik dengan Pakej Bantuan PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA+ seperti berikut:

Peruntukan	Tarikh Permohonan	Sektor Sasaran	Tempoh Subsidi Upah
Belanjawan 2021 (PSU 3.0 Bersasar)	1 Januari 2021 – 30 Jun 2021	Sektor Pelancongan & Runcit	3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada 6 bulan bagi permohonan baru
PSU 3.0 PERMAI	19 Januari 2021 – 30 Jun 2021	Semua sektor di negeri PKP	1 bulan sahaja
PEMERKASA (PSU 3.0 PEMERKASA)	1 April 2021 – 30 Jun 2021	Sektor Pelancongan & Runcit Serta Perniagaan lain yang ditutup semasa PKP 2.0	3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada dan baru
PEMERKASA+	1 Jun 2021 – 31 Julai 2021	Semua Sektor	1 bulan tambahan bagi majikan sedia ada dan baru


PROGRAM SUBSIDI UPAH 4.0 (PSU 4.0)

Di bawah Pakej PEMULIH pula, Kerajaan telah melaksanakan PSU 4.0 dengan peruntukan sebanyak RM3.8 bilion yang dijangka memanfaatkan 2.5 juta pekerja. Melalui PSU 4.0, Kerajaan akan menampung sehingga 500 pekerja bagi setiap majikan dengan kadar sebanyak RM600 setiap pekerja selama tempoh empat bulan, iaitu 2 bulan bagi semua sektor dalam fasa kedua PPN dan dua bulan seterusnya khusus bagi sektor-sektor yang dikategorikan dalam senarai negatif semasa tempoh fasa ketiga nanti. Had gaji RM4,000 juga telah dilonggarkan yang membolehkan majikan untuk memohon PSU 4.0 bagi pekerjanya yang bergaji lebih dari RM4,000. **Setakat 27 Mei 2022**, sebanyak **RM2.536 bilion** telah disalurkan kepada **161,708 majikan** untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **1,902,326 pekerja**.



PROGRAM SUBSIDI UPAH 5.0 (PSU 5.0)

Dengan peruntukan sebanyak RM600 juta di bawah Bajet 2022, Kerajaan melalui PERKESO akan meneruskan pelaksanaan Program Subsidi Upah bersasar kepada pengusaha pelancongan yang mengalami penurunan pendapatan sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah jualan atau pendapatan pada bulan Oktober 2021 sehingga Disember 2021 berbanding mana-mana bulan pada tahun 2019 sehingga 2021 sebelum penularan wabak COVID-19. Permohonan telahpun dibuka sejak 1 Januari 2022 sehingga 31 Mac 2022 namun majikan dari sektor yang tidak tersenarai tetapi masih terjejas akibat penularan COVID-19 masih boleh mengemukakan rayuan secara atas talian kepada PERKESO. **Setakat 27 Mei 2022**, sebanyak **RM179.234 juta** telah disalurkan kepada **7,322 majikan** untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **103,124 pekerja**. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.perkeso.gov.my/bajet-2022/sip-bajet-2022.html>.



Secara keseluruhannya, Kerajaan telah menyalurkan sebanyak **RM20.833 bilion** kepada **357,723 majikan** melalui Program Subsidi Upah bagi mengekalkan penggajian **2,956,927 pekerja tempatan** dalam usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan pekerja warganegara Malaysia.

PROGRAM KEMAHIRAN DAN PENINGKATAN KEMAHIRAN PENJANA

Pada tahun lepas, seramai **151,505 peserta** telah diluluskan untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan. Senarai kursus-kursus yang mendapat permintaan boleh dilihat melalui pautan Kementerian Kewangan. Selain itu, pemohon juga boleh layari laman sesawang agensi-agensi Kerajaan seperti yang dimaklumkan di dalam laporan bertulis, untuk mendapatkan maklumat mengenai kursus-kursus yang ditawarkan. Bagi mereka yang sedang mencari pekerjaan terutamanya golongan belia, anda semua dijemput menyertai kursus-kursus ini.

Kementerian/Agensi		Program / Skim / Inisiatif				
 <p>Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) (www.penjanahrdf.com.my)</p>	<p><i>SME Development</i></p>	<p><i>Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)</i></p>	<p><i>Place & Train</i></p>	<p><i>Gerak Insan Gemilang (GIG)</i></p>	<p><i>B40 Development</i></p>	
 <p>Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC) (https://www.medac.gov.my)</p>	<p><i>INSKEN Business Training</i></p>	<p><i>Program Mikro Connector</i></p>				
 <p>Majlis Amanah Rakyat (MARA) (http://penjana.mara.gov.my/)</p>	<p><i>Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu</i></p>	<p><i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Programme (e-entrepreneur) – Training e-Commerce Platform</i></p>	<p><i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies/ Short Courses Programme</i></p>			
	<p><i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp</i></p>	<p><i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Programme (e-entrepreneur) – Bespoke</i></p>				
 <p>East Coast Economic Region Development Council (ECER) (https://www.ecerc.com.my/penjana/Website/index.html)</p>	<p><i>ETEP Enhanced Train & Place (PENJANA)</i></p>					
 <p>Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) (https://www.ncer.com.my/jomkerja_jomniaga/)</p>	<p><i>JomNiaga@ NCER</i></p>	<p><i>JomKerja@ NCER</i></p>				
 <p>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) (http://www.motac.gov.my/)</p>	<p><i>Pembangunan Kemahiran Komuniti</i></p>					
 <p>Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (https://great.mohe.gov.my)</p>	<p><i>Program Ekonomi Gig</i></p>	<p><i>Program Keusahawanan</i></p>				

Kerajaan melalui pelbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan akan meneruskan usaha latihan dan peningkatan kemahiran bagi tahun 2022 dengan **peruntukan keseluruhan berjumlah RM1.1 bilion** yang menyasarkan **220 ribu peluang pekerjaan**. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

Latihan dan Peningkatan Kemahiran	Agensi	Sasaran
HRDC	HRDC	36,000
Koridor Wilayah	Koridor	16,000
PRUV-ATM	PERHEBAT	5,000
SLDN Plus	JPK	10,000
KPT-CAP	KPT	20,000
KPR-PACE	KPT	45,000
TVET Training	JPPKK	25,000
MITI Reskilling	MITI	24,000
MDEC	MDEC	12,000
Upskilling for Deeptech and Future Skills	MOSTI	5,000
Peneraju Skill dan Peneraju Teknologi	JPM	3,000
Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri	FMSDC	5,000
PERKASA TVET	PTPK	13,000
Program Inkubator Graduan Kreatif	MyCreative Ventures	1,000
	JUMLAH	220,000

Kementerian Kewangan dan Kementerian Sumber Manusia juga telah diberi tanggungjawab menyediakan 'single window' bagi memastikan program latihan dan peningkatan kemahiran yang dijalankan pelbagai kementerian dan agensi dilaksanakan dengan efektif dan optimum. Untuk maklumat lanjut berhubung Program Latihan dan Peningkatan Latihan yang disediakan oleh Kerajaan, sila layari laman sesawang UpSkillMalaysia di <https://upskillmalaysia.gov.my/>

CAREER ADVANCEMENT PROGRAMME (KPT-CAP)

Kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi menjayakan program KPT-CAP (Career Advancement Programme) atau Program Peningkatan Kerjaya sebagai usaha untuk menangani isu graduan menganggur. Program peningkatan kemahiran ini adalah hasil kerjasama pelbagai Kementerian, Agensi serta pihak industri bagi melahirkan graduan berketerampilan untuk memenuhi pasaran kerja yang bersesuaian.

Program ini dilaksanakan melalui 3 aliran utama iaitu Place and Train, Latihan Keusahawanan serta latihan penyediaan bagi Ekonomi Gig. Place and Train ialah program latihan kompetensi bersasar kepada peserta sebelum memulakan pekerjaan yang ditawarkan oleh industri manakala Latihan Keusahawanan menyasarkan penubuhan syarikat pemula dari kalangan graduan. Peserta yang turut menyertai latihan keusahawanan turut berupaya mendapatkan bantuan pembiayaan kewangan daripada institusi perbankan dan agensi Kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), TEKUN Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia dan sebagainya. Aliran terakhir adalah Ekonomi Gig iaitu program latihan kompetensi yang mampu membantu peserta untuk menjana pendapatan melalui ekonomi Gig atau aktiviti berbentuk freelancing.

Graduan yang turut menyertai program ini akan dibiayai sepenuhnya untuk menjalani satu daripada tiga sub program yang bernilai sehingga RM5,000 untuk setiap peserta. Tambahan pula, setiap permohonan akan ditapis melalui sistem Single Window, Single Offer di mana latihan yang ditawarkan adalah bergantung kepada jurusan yang diambil semasa di universiti. Peserta yang terlibat akan dijamin pekerjaan untuk tempoh masa antara 6 hingga 12 bulan dengan gaji yang ditetapkan sekitar RM2,000 hingga RM2,500. Pada tahun lepas, sebanyak **19,266 graduan** telah mendapat peluang pekerjaan melalui program KPT-CAP.

Dalam usaha Kerajaan untuk menangani isu graduan menganggur, Kerajaan akan meneruskan inisiatif KPT-CAP dengan sasaran untuk menawarkan 20,000 peluang pekerjaan kepada golongan graduan bagi tahun 2022. **Setakat 31 Mei 2022**, KPT-CAP telah berjaya menempatkan **2,750 graduan** bagi tahun pada tahun ini. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://great.mohe.gov.my/>

SKIM PERANTISAN NASIONAL

Skim Perantisan Nasional (SPN) adalah sebuah skim perantisan yang dilaksanakan di bawah Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Sumber Manusia serta Agensi-agensi persekutuan di bawah ketiga-tiga kementerian tersebut.


Skim yang berkonsepkan “Place and Train” ini memberi jaminan peluang pekerjaan kepada belia sebagai perantis di pelbagai syarikat dan organisasi yang terlibat. SPN juga menyediakan sistem sokongan dengan memberi pengalaman kepada belia serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran golongan belia melalui latihan soft-skill dan on-the-job training. Melalui SPN, para belia bakal dilatih bagi meningkatkan kebolehpasaran, memperoleh peluang untuk diserap terus dalam pekerjaan dan memperoleh pendapatan. Pada tahun lepas, seramai **14,990 warga belia** telah berjaya mendapat peluang pekerjaan melalui SPN. Pada tahun ini **setakat 31 Mei 2022**, seramai **3,625 belia** telah pun berjaya ditempatkan dengan menggunakan Insentif Penggajian JaminKerja PERKESO khusus buat golongan perantis. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://perantisan.kbs.gov.my/kriteria.php>

PROTÉGÉ READY-TO-WORK

Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) merupakan inisiatif Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) untuk melaksanakan program-program peningkatan kebolehpasaran dan memupuk kemahiran keusahawanan dalam kalangan graduan. Antara program-program yang dianjurkan oleh PROTÉGÉ adalah Program Protégé Ready-to-Work yang menyediakan peluang penempatan latihan selama 8 hingga 12 bulan di syarikat yang mengambil bahagian dalam program ini seperti Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta syarikat-syarikat penerima perolehan Kerajaan di bawah Pekeliling Perbendaharaan (PK1.2). Program ini juga menawarkan modul latihan berkaitan keusahawanan untuk memupuk semangat keusahawanan di kalangan graduan. Pada tahun lepas, sebanyak **4,611 graduan** telah berjaya ditempatkan melalui program Ready-to-work manakala tahun ini adalah sebanyak **2,295 graduan** baharu telah pun ditempatkan bagi tahun ini **setakat 29 April 2022**. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web PROTEGE di <http://protege.gov.my/www/index.php>

MYDIGITALWORKFORCE IN TECH (MYWiT)

Sejajar dengan program celik digital dan peningkatan kemahiran, Kerajaan dengan kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah memperkenalkan inisiatif MyDigitalWorkforce in Tech (MYWiT) untuk menambahbaik kemahiran dan keupayaan pekerja Malaysia dengan menggalakkan syarikat untuk mengambil pekerja Malaysia bagi pekerjaan teknologi dan perkhidmatan digital melalui insentif gaji dan subsidi kursus latihan. Insentif yang disediakan adalah subsidi sebanyak 40% daripada gaji bulanan selama 6 bulan, terhad kepada gaji minimum sebanyak RM2,000 dengan insentif maksimum sebanyak RM2,600 sebulan manakala subsidi kursus latihan yang ditawarkan adalah sehingga RM8,000 seorang. **Setakat 27 Mei 2022**, program MYWiT ini telah mendapat sebanyak **3,763 permohonan** dan daripada jumlah tersebut, seramai **892 peserta** telah pun berjaya ditempatkan dalam pekerjaan teknologi dan perkhidmatan digital. Untuk maklumat lanjut, sila layari pautan <https://mdec.my/ms/mywit/>



*Jumlah kumulatif

PEMERKASAAN PERNIAGAAN

PROGRAM USAHAWAN LEPASAN INSTITUSI PENDIDIKAN MARA/ BELIA

Dalam menyokong usaha kerajaan dalam melahirkan lebih banyak usahawan kecil dinamik dari generasi muda, Majlis Amanah Rakyat (MARA) menyediakan kemudahan pembiayaan dengan kadar keuntungan sebanyak 0% kepada perniagaan mikro bagi semua sektor seperti peruncitan, perkhidmatan keculi sektor pertanian dan penternakan. Kemudahan ini disediakan khusus bagi golongan belia yang telah menjalankan perniagaan tidak kurang dari tiga (3) bulan dan telah mengikuti latihan industri atau program inkubator di Institusi Pendidikan MARA (IPMa) manakala had pembiayaan yang disediakan adalah sebanyak RM10,000 dengan tempoh pembiayaan sehingga 3 tahun. **Setakat 20 Mei 2022**, sebanyak **RM3.09 juta** telah diluluskan bagi **350 usahawan baharu**. Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.mara.gov.my/bm/menu_keusahawanan/kemudahan-sokongan/pembiayaan-perniagaan/putra/#tab-id-1

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN TEKNIKAL (PU TEK)

Bagi mewujudkan usahawan baharu dalam bidang teknikal yang berasaskan kepada kemahiran yang dimiliki, MARA juga menyediakan kemudahan pembiayaan dengan **kadar keuntungan sebanyak 0%** bagi usahawan yang mempunyai Ijazah/ Diploma atau Sijil Kemahiran Teknikal daripada Institusi Pendidikan MARA yang telah menjalankan perniagaan sepenuh masa tidak kurang dari enam (6) bulan dan tidak melebihi lima (5) tahun. Skop pembiayaan yang disediakan sehingga RM500,000 adalah untuk pembelian mesin dan peralatan manakala modal pusingan yang disediakan bagi usahawan muda adalah 60% pembiayaan dengan 40% geran (sekiranya bayaran adalah baik). **Setakat 20 Mei 2022**, sebanyak **RM1.797 juta** telah disalurkan kepada **25 usahawan teknikal MARA**. Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.mara.gov.my/bm/menu_keusahawanan/kemudahan-sokongan/pembiayaan-perniagaan/putek/#tab-id-7


SKIM PEMBIAYAAN PERNIAGAAN KHAS WANITA (DanaNITA)

Kerajaan telah memperuntukkan dana pembiayaan sebanyak RM230 juta antaranya melalui program Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA) di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan TEKUNITA menerusi Tekun Nasional bagi membantu usahawan Wanita yang terkesan akibat COVID-19 selain meningkatkan kapasiti perniagaan mereka. Bagi MARA, DanaNITA menyediakan pembiayaan bagi modal pusingan mahupun pembelian mesin dan peralatan sehingga RM150,000.00 dengan kadar sebanyak 3.5%. **Setakat 20 Mei 2022**, sebanyak **RM10 juta** telah pun diluluskan bagi membantu **265 usahawan wanita**. Untuk maklumat lanjut, sila layari

https://www.mara.gov.my/bm/menu_keusahawanan/kemudahan-sokongan/pembiayaan-perniagaan/dananita/

SKIM JAMINAN PRIHATIN DANAJAMIN (DPGS)

Skim Jaminan Prihatin DanaJamin (DPGS) yang diperkenalkan oleh Kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (PRIHATIN) menyediakan kemudahan skim jaminan berjumlah RM50 bilion dengan jaminan sehingga 80% daripada jumlah pinjaman bagi tujuan membiayai modal kerja. Skim ini disasarkan kepada perniagaan yang berdaya maju dalam semua sektor yang menghadapi kesukaran akibat penularan wabak COVID-19. Di bawah Belanjawan 2021, program ini turut dilanjutkan di mana syarat-syaratnya turut ditambah baik. **Setakat 27 Mei 2022**, sebanyak 92 syarikat telah memohon untuk DPGS di mana jumlah jaminan yang telah diluluskan adalah sebanyak **RM2.080 bilion** bagi **61 buah syarikat**. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://belanjawan2021.treasury.gov.my/manfaat/index.php/bm/dpgs>



*Jumlah kumulatif

- i) Malayan Banking Berhad;
- ii) CIMB Bank Berhad;
- iii) OCBC Bank (Malaysia) Berhad;
- iv) Alliance Bank Malaysia Berhad;
- v) AmBank (M) Berhad;
- vi) Hong Leong Bank Berhad;
- vii) United Overseas Bank (Malaysia) Bhd;
- viii) Affin Bank Bhd/ Affin Hwang Investment Bank Berhad;
- ix) RHB Bank Berhad;
- x) Bangkok Bank Berhad; dan
- xi) MIDF Amanah Investment Bank Bhd.

Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah menyediakan kemudahan pembiayaan tambahan atau yang ditambah baik bagi memberikan bantuan dan menyokong pemulihan PKS sebanyak RM4.5 bilion. Penambahan ini meningkatkan jumlah dana yang tersedia pada pertengahan bulan September 2021 kepada RM11.2 bilion. Kemudahan yang tersedia adalah seperti berikut:

KEMUDAHAN BANTUAN DAN PEMULIHAN BERSASAR (TRRF)

Kemudahan pinjaman bernilai RM6 bilion ini ditambah sebanyak RM2 bilion kepada RM8 bilion bagi membantu PKS yang terjejas dalam sektor perkhidmatan. Kini di bawah TRRF yang dipertingkatkan, PKS boleh menggunakan hingga 30% daripada pembiayaan yang diluluskan untuk membayar balik pembiayaan perniagaan sedia ada (iaitu pembiayaan semula). Saiz pembiayaan yang ditawarkan adalah sehingga RM500,000 bagi setiap PKS manakala RM75,000 bagi perusahaan mikro dengan kadar faedah sehingga 3.5% setahun termasuk fi jaminan. Tempoh bayaran balik pembiayaan ini adalah sehingga 7 tahun beserta moratorium sekurang-kurangnya selama 6 bulan. **Setakat 20 Mei 2022**, terdapat **34,967 jumlah permohonan** di mana **RM5.707 bilion** telah berjaya disalurkan kepada **21,125 PKS**.

Kemudahan yang ditawarkan pada kadar sehingga 3.5% setahun ini tersedia melalui institusi kewangan peserta, dengan perlindungan jaminan oleh Credit Guarantee Corporation (CGC) atau Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP). Kemudahan ini tersedia hingga 30 Jun 2022 atau setelah peruntukan digunakan sepenuhnya.

KEMUDAHAN PERTANIAN PEMAKANAN (AF)

Seperti yang diumumkan dalam pembentangan Bajet 2022, Kerajaan akan terus memacu pemodenan sektor pertanian dalam usaha untuk meningkatkan jaminan dan keselamatan makanan serta menjana pendapatan lebih tinggi dan menarik lebih ramai generasi muda agropreneur. Sehubungan dengan itu, Kemudahan Pertanian Pemakanan (AF) yang disediakan oleh BNM turut ditambah sebanyak RM500 juta menjadikan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM2 bilion bagi menyediakan akses pembiayaan kepada PKS untuk meningkatkan pengeluaran agromakanan negara dan untuk eksport. Kemudahan yang disediakan bagi perbelanjaan modal, pembangunan projek agromakanan dan modal kerja dengan had pembiayaan sebanyak RM5 juta ini ditawarkan pada kadar sehingga 3.75% setahun bersama tempoh pembiayaan sehingga 8 tahun. **Setakat 20 Mei 2022**, terdapat **2,978 permohonan** di mana **2,250 permohonan** telah berjaya diluluskan bernilai **RM1.761 bilion**. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.bnm.gov.my/covid19>

SKIM PEMBANGUNAN USAHAWAN MASYARAKAT INDIA (SPUMI)

Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) adalah satu inisiatif strategik Kerajaan di bawah TEKUN untuk membantu masyarakat India mempertingkatkan ekonomi menerusi penglibatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Bagi masyarakat India yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan serta mereka yang ingin memajukan lagi perniagaan sedia ada, nilai pembiayaan yang disalurkan adalah dari RM1,000 sehingga RM100,000 bagi setiap usahawan mengikut kelayakan. Tempoh bayaran balik pembiayaan adalah sehingga 120 bulan (10 tahun) pada kadar 4% setahun. Program ini telah diberi peruntukan sebanyak RM20 juta, di mana RM5 juta adalah daripada Belanjawan 2021 manakala penambahan sebanyak RM15 juta adalah daripada Pakej PERMAI dan kini, diteruskan bagi tahun baharu 2022. Bagi tahun ini sahaja **setakat 20 Mei 2022, RM20.94 juta** telah berjaya disalurkan kepada **899 PKS Mikro**. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.tekun.gov.my/ms/usahawan-tekun/skim-pembangunan-usahawan-masyarakat-india-spumi-2/>

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN PROFESIONAL (ProSPEC)

Program Pembangunan Usahawan Profesional (ProSPEC) yang diperkenalkan oleh MARA kini memberi peluang kepada golongan profesional seperti doktor untuk menceburi bidang keusahawanan dan memahami selok-belok perniagaan berdasarkan kepakaran dimiliki mereka. Skim pembiayaan ini menyediakan pembiayaan kepada golongan profesional yang diiktiraf dan berdaftar sebagai ahli badan profesional yang berkenaan dengan had pembiayaan sehingga RM500,000 bagi modal pusingan, pembelian mesin, peralatan mahupun ubah suai premis perniagaan. **Setakat 20 Mei 2022**, sebanyak **RM2.8 juta** telah diluluskan bagi **9 ahli profesional** untuk menceburi bidang keusahawanan. Pemohon haruslah mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang profesional yang berkaitan mengikut tempoh dan kriteria tertentu yang ditetapkan oleh MARA. Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.mara.gov.my/bm/menu_keusahawanan/kemudahan-sokongan/pembiayaan-perniagaan/prospec/


PEMBIAYAAN SEKTOR PELANCONGAN PENJANA (PENJANA TOURISM FINANCING)

Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM600 juta bagi PKS dan PKS Mikro yang masih terkesan dengan penularan COVID-19. **Setakat 20 Mei 2022**, terdapat **765 permohonan** bagi pembiayaan ini, dan daripada jumlah ini sebanyak **404 permohonan** telah diluluskan dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM82.73 juta**. Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.bnm.gov.my/documents/20124/2294076/FAQ%20PENJANA%20Tourism%20Ofinancing_BM.pdf

Maklumat Tambahan Daripada BNM:

RM400 juta daripada dana asal RM1 bilion diperuntukkan semula bagi:


- Penubuhan Kemudahan Bantuan Bencana (DRF) untuk mengurangkan beban kewangan dan memulihkan operasi perniagaan PKS yang terjejas akibat banjir; dan
- Kemudahan Automasi Digital PKS (ADF) untuk memberi insentif kepada PKS untuk mengautomasikan proses dan mendigitalkan operasi untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan.



*Jumlah kumulatif

SOKONGAN PENGGUNAAN TEKNIKAL DAN DIGITAL BAGI PKS DAN SYARIKAT DI PERINGKAT PERTENGAHAN (MTC)

Di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM700 juta bagi membantu dan menggalak PKS dan MTC ke arah pendigitalan operasi dan saluran perdagangan. **Setakat 20 Mei 2022**, sejumlah **RM92.9 juta** telah disalurkan kepada **13,893 perniagaan** dalam bentuk geran dan pinjaman untuk langganan perkhidmatan digitalisasi.



*Jumlah kumulatif

PAKEJ PERJALANAN MY50

Kerajaan melalui Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA) telah memperuntukkan sebanyak RM115 juta sebagai pembayaran subsidi untuk menampung kos ditanggung PRASARANA dalam menyediakan inisiatif pas perjalanan tanpa had yang mengurangkan tambang biasa RM200 kepada RM50 sebulan. Pas perjalanan tanpa had yang terbuka kepada semua warganegara Malaysia ini boleh digunakan untuk perkhidmatan rel dan bas kendalian PRASARANA di Lembah Klang dan di Pulau Pinang. Pembelian My50 ini boleh dibuat di semua Pejabat Khidmat Pelanggan Rapid KL yang terletak di semua stesen LRT, MRT, Monorel, BRT dan Hab Bas Rapid KL serta Kiosk Rapid Penang yang tertentu. Untuk maklumat lanjut berhubung pas perjalanan tanpa had ini, sila layari


<https://myrapid.com.my/ms/resources/faqs/>

PROGRAM SUSTAINABILITY ACHIEVED VIA ENERGY EFFICIENCY (SAVE 3.0)

SAVE 3.0 merupakan sebuah program di bawah Sustainable Energy Development Authority (SEDA) yang menyediakan rebat sehingga RM400 bagi pembelian mana-mana peralatan rumah berlabel cekap tenaga 4 atau 5 bintang oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) pada tahun 2022. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang faedah dan amalan penggunaan kelengkapan cekap tenaga mahupun mengurangkan pelepasan gas rumah hijau akibat penjimatan penggunaan tenaga. Untuk maklumat lanjut, sila layari pautan agensi SEDA di <http://www.seda.gov.my/saveprogram/>

SOKONGAN BAGI SEKTOR SENI, BUDAYA DAN HIBURAN

Bagi Inisiatif Pemulihan CENDANA, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta yang dijangka akan memanfaatkan 3,000 penerima daripada kalangan seniman dan organisasi di dalam sektor seni dan budaya Malaysia. Penerima akan menerima saiz geran yang berbeza bergantung kepada permohonan dan program yang disasarkan. **Setakat 27 Mei 2022**, sebanyak **RM7.24 juta** telah disalurkan kepada **590 pemohon**. Para penggiat industri kreatif adalah disaran untuk menggunakan peluang kemudahan yang disediakan dan boleh memohon bantuan dari kedua-dua agensi berkaitan dengan melayari www.mycreative.com.my/penjana dan www.cendana.com.my untuk maklumat lanjut.



*Jumlah kumulatif